



TAWARAN BIASISWA SESI 2020/2021

Yayasan Sarawak dan Yayasan Basiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) mempelawa calon-calon yang layak dan berpotensi untuk memohon penajaan Skim Basiswa Yayasan Sarawak Tun Taib dan Basiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) untuk ambilan Sesi 2020/2021.

1.	<u>BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB (BYSTT)</u> (Kursus STEM: Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)
2.	<u>YAYASAN BIASISWA SARAWAK TUNKU ABDUL RAHMAN (YBSTAR)</u> (Kursus BUKAN STEM)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

SYARAT-SYARAT ASAS

- 1) Anak Sarawak (sama ada ibu atau bapa atau kedua-duanya sekali Anak Kelahiran Sarawak) ;
- 2) Sedang atau akan mengikuti pengajian dalam kursus seperti yang disenaraikan secara **SEPENUH MASA** di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf di dalam dan luar negara :

Ijazah Pertama	Ijazah Lanjutan
Untuk permohonan penajaan di Institusi Dalam Negara sahaja	Untuk permohonan penajaan di Institusi Dalam dan Luar Negara

SYARAT KHUSUS (KELAYAKAN AKADEMIK)

- 3) Pemohon yang sedang mengikuti pengajian **ATAU** pemohon yang telah diterima masuk ke institusi pengajian tinggi perlu mempunyai salah satu kelayakan akademik seperti berikut:

PERINGKAT & KRITERIA	KELAYAKAN & PENCAPAIAN AKADEMIK
Ijazah Pertama	Memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang sekurang-kurangnya Gred B dan ke atas pada setiap subjek di peringkat STPM, atau memperoleh CGPA/PNGK 3.00 dan ke atas bagi lulusan Sijil / Diploma / Matrikulasi / A-Level dan yang setaraf dengannya;
Ijazah Lanjutan	Memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang sekurang-kurangnya Ijazah Kelas Kedua Atas atau CGPA/PNGK 3.00 ke atas semasa Ijazah Pertama atau Sarjana
Kriteria Tambahan	<ol style="list-style-type: none">1. Memiliki ciri-ciri kepimpinan yang tinggi, aktif di dalam aktiviti ko-kurikulum.2. Aktif dan banyak menyumbang dalam kegiatan kemasyarakatan.3. Perkembangan Bakat (<i>Talent</i>) iaitu cemerlang dalam satu atau lebih bidang terutama dari segi kepimpinan, kemahiran dan kreativiti.

BIDANG & PROGRAM TAJAAN

BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB
Untuk kursus dalam bidang STEM
(Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)

Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan:-

1. Agricultural Engineering/ Agro Technology
2. Agriculture (Aquaculture/ Herbal Production)
3. Architecture
4. Astronomy
5. Botany
6. Chemical Engineering
7. Civil Engineering
8. Cognitive Science
9. Computer Science
10. Dentistry
11. Digital Economy Related Programs
12. Earth & Marine Science
13. Electrical & Electronic Engineering
14. Energy Resource Engineering
15. Environment Management
16. Food Technology
17. Forestry
18. Geological Science
19. Geomatics Engineering/Land Surveying
20. Horticulture
21. Logistic
22. Marine Fisheries
23. Material Science
24. Mathematics
25. Mechanical Engineering
26. Metallurgy
27. Natural Product Chemistry
28. Numerical Analysis
29. Nursing (Geriatric Care)
30. Petroleum Engineering
31. Psychology
32. Public Health
33. Quantity Surveying
34. Safety & Health
35. Software Engineering
36. Statistics
37. Specialists Program in Pathology
38. Veterinary
39. Wildlife Management
40. Wood Technology, dan:-

Kursus – kursus lain yang berkaitan dengan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)

YAYASAN BIASISWA SARAWAK TUNKU ABDUL RAHMAN
**Untuk kursus dalam bidang BUKAN STEM (Bukan Sains, Teknologi,
Kejuruteraan dan Matematik)**

Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan:-

1. Accounting & Finance
2. Social Science & Humanities
3. Business & Economics
4. Counselling
5. Communication
6. Design & Fashion
7. Education (Physics, Chemistry, Biology, Mathematics, TESL, Third Language; Mandarin, Arabic, France)
8. English Language
9. Fine Arts
10. Gastronomy
11. Hospitality & Tourism
12. Human Resource
13. International Relations
14. Islamic Studies
15. Journalism
16. Law
17. Modern Language
18. Music
19. Philosophy dan:-

Kursus-kursus lain yang berkaitan dengan **Bukan STEM**

KRITERIA PEMILIHAN

- 4) Calon yang layak dan memenuhi kriteria di atas, akan ditemuduga oleh satu panel khas. Pemilihan akan dibuat dengan mengambil kira prestasi semasa temuduga, potensi calon, bakat kepimpinan, sumbangan kepada masyarakat dan kriteria-kriteria lain yang difikirkan wajar oleh panel.

CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- 5) Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan.
- 6) Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat Matrikulasi, Asasi Sains / Pra-Universiti / *Foundation*.
- 7) Pelajar-pelajar yang mengikuti program / kursus jarak jauh / separuh masa.
- 8) Pelajar-pelajar yang masih terikat dengan mana-mana badan penajaan.
- 9) Pelajar-pelajar yang tiada surat pelepasan/kelulusan majikan.

CARA MEMOHON

- 10) Permohonan adalah secara atas talian ('*online*') yang boleh dicapai di laman web <http://www.yayasansarawak.org.my>
- 11) Permohonan hendaklah disertakan dengan **SALINAN SURAT TAWARAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI / INSTITUSI**
- 12) Salinan dokumen atau salinan sijil-sijil seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan. **SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa kesemua **salinan dokumen dan sijil hendaklah disahkan** terlebih dahulu ;
- 13) Pegawai atau kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan surat pengesahan **memperolehi kebenaran** untuk belajar secara sepenuh masa sama ada bergaji penuh atau separuh gaji ;
- 14) Sebarang pindaan atau perubahan pada syarat-syarat permohonan pada iklan ini jika ada, termasuk tarikh tutup permohonan, akan dimaklumkan melalui media massa.
- 15) Semua dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada **Seksyen Basiswa, Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Jalan Sultan Tengah, 93050 Petra Jaya, KUCHING.**
- 16) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN Jumaat, 30 September 2020, Jam 4.00 petang.**

Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan TIDAK akan dipertimbangkan.

Sebarang Pertanyaan sila hubungi :-

SEKSYEN BIASISWA

Talian Pejabat : (082) 441686 Faks : (082) 440023